



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YANG AMAT BERTHORMAT  
DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA  
DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA  
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
TAHUN 2018**

**4 MAC 2019 (ISNIN)**

**PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA  
(PICC)**

BISMILLAHIRRAHMANI RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

SALAM SEJAHTERA

**(SALUTASI)**

**PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun, di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi tahun 2018.
2. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih, saya ucapkan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian, dan Agensi serta seluruh jawatankuasa yang terlibat menjayakan majlis pada hari ini.
3. Setinggi-tinggi tahniah juga saya ucapkan kepada **645 penerima** Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun ini yang terdiri daripada warga Kementerian (seramai 21 orang), Jabatan Kebajikan Masyarakat (seramai 529 orang), Jabatan Pembangunan Wanita (seramai 17 orang), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (seramai 70 orang), Institut Sosial Malaysia (seramai 7 orang) dan *NAM Institute for the Empowerment of Women* (NIEW) (seramai 1 orang).

Semoga dengan pengiktirafan ini akan menyuntik semangat dan mencetus inspirasi kepada semua warga KPWKM, untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang.

## PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. **Saya ingin menegaskan komitmen Kerajaan, khususnya YAB Perdana Menteri, yang sentiasa menghargai dan mengiktiraf budaya kerja cemerlang penjawat awam.**
5. Penganjuran majlis seumpama ini akan dapat menggalakkan pegawai dan kakitangan kerajaan untuk terus memberikan komitmen, **mempertingkatkan produktiviti dan mutu kerja** yang berkualiti tinggi.
6. Kita harus menyahut cabaran ini, dengan mewujudkan persaingan yang sihat dalam membuktikan keupayaan diri masing-masing dan secara tidak langsung, akan mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, khususnya menerusi produk serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian kepada semua kumpulan sasaran.
7. Majlis ini diadakan bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan dan jasa bakti tuan-tuan dan puan-puan, yang telah menunjukkan komitmen dan dedikasi sepanjang tahun 2018.
8. Harapan saya, agar pengiktirafan dan penghargaan seumpama ini, dapat melonjakkan motivasi kepada tuan-tuan dan puan-puan, untuk menjadi 'insan kamil' yang bersahsiah, berkualiti, seterusnya **menjadi *role model* dan mentor terbaik kepada rakan sekerja yang lain.**
9. Anugerah ini bukan sekadar pendorong atau pengiktirafan, bahkan dalam skop yang lebih luas, ia menjadi nadi penggerak, dan peneraju kepada perubahan positif, dalam membudayakan kecemerlangan di tempat kerja khususnya di KPWKM.

## **KESETIAAN KEPADA NEGARA DAN TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. **Pencapaian negara pada hari ini, adalah hasil daripada penggubalan dasar-dasar yang pragmatik dan mesra rakyat oleh kepimpinan Kerajaan, dengan sokongan serta kerjasama oleh tuan-tuan dan puan-puan sebagai penjawat awam.**
11. Di dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri, YAB Perdana Menteri seringkali mengingatkan tanggungjawab kita semua, sama ada anggota Kabinet, mahupun penjawat awam, untuk melaksanakan tugas, dengan penuh dedikasi tanpa membelakangkan kepentingan Negara.
12. Asas yang dipaksakan di dalam Perlembagaan Negara adalah **kesetiaan kepada Raja dan Negara, serta Kerajaan yang memerintah (*Government of the day*)**.  
Semangat cintakan Negara perlu disemarakkan dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam dengan penuh dedikasi tanpa membelakangkan kepentingan Negara.
13. Penjawat awam adalah benteng dan tulang belakang Kerajaan, bekerja dengan penuh semangat, memberikan yang terbaik, supaya rakyat dapat terus menikmati dan memperolehi faedah serta manfaat sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

## MEDIA MASSA DAN ETIKA PENJAWAT AWAM

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Kita seharusnya lebih kreatif dan berinovatif dalam mendepani gelombang Revolusi Industri Keempat (IR 4.0).  
Kita mestilah memanfaatkan kelebihan penyampaian maklumat melalui medium digital sebagai saluran dan pendekatan komunikasi baharu dalam melaksanakan tugas.
15. Hari ini, sebaran maklumat dan promosi menjangkau media arus perdana, merangkumi penggunaan media sosial seperti *facebook, twitter atau Instagram*.  
Ia menjadi sumber utama kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini terutama di kalangan belia.
16. Oleh itu, semua warga KPWKM dan agensi, perlu lebih peka dan melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran, terutamanya dalam bidang teknologi maklumat (ICT), bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan, sekaligus menjamin sistem penyampaian perkhidmatan kita yang lebih produktif, berkualiti dan cemerlang.
17. Dalam usaha kita memanfaatkan media sosial sebagai agen penyampai maklumat dan promosi perkhidmatan kepada masyarakat, ada juga **pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, menyalahgunakan media sosial dengan menyebarkan maklumat atau melemparkan tuduhan dan kritikan terhadap Kerajaan secara melulu.**
18. Saya ingin mengingatkan, sebagai seorang penjawat awam, tuan-tuan dan puan-puan hendaklah mengetahui batas-batas perhubungan dalam komunikasi serta mematuhi etika penggunaan media sosial. Walaupun

untuk mempertahankan diri, jangan sesekali membalas kritikan netizen dengan bahasa yang kurang sopan.

19. Kita juga sedar, ada kalangan penjawat awam yang mewarisi sokongan Kerajaan lama.

Kita faham dan hormati pendirian politik masing-masing.

Namun saya ingin mengingatkan, supaya jangan ada unsur-unsur sabotaj.

Kita boleh berbeza dari segi fahaman politik, namun untuk berkhidmat kepada rakyat, kita tidak wajar menggunakan perbezaan kelompok, kaum atau agama sebagai penghalang.

20. Imej Kerajaan, Kementerian dan seluruh agensi hendaklah sentiasa dipelihara. Sama-sama kita cerminkan keperibadian kita, dengan asas yang digariskan oleh agama. Sebagaimana Sabda Nabi Muhammad s.a.w, mafhumnya:

*“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang baik.”*

## **PENUTUP**

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

21. Akhir kata, sekali lagi **TAHNIAH** dan **SYABAS** saya ucapkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi Tahun 2018. Semoga prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh tuan-tuan dan puan-puan, menjadi contoh kepada semua warga Kementerian yang lain, dan memberi pengaruh dan impak yang positif ke arah kecemerlangan Kementerian ini secara keseluruhan.

22. Saya amat berharap agar budaya dan momentum kecemerlangan ini, akan dapat diteruskan dan menjadi teras kepada, budaya kerja cemerlang dan berintegriti demi kemajuan dan kemakmuran Negara. Saya ingin berkongsi petikan kata oleh Michelle Obama:

*“There is no magic to achievement. It’s really about hard work, choices and persistence”.*

15. Dengan lafaz Bismillahirohmannirahim, saya merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPWKM bagi Tahun 2018.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.